

Mahathir mahu pemimpin bersih

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pemimpin kerajaan bahawa mereka bukan sahaja dikehendaki 'bersih' tetapi juga hendaklah kelihatan bersih bagi mengelakkan sebarang sangkaan buruk.

Perdana Menteri menjelaskan, inilah di antara sebab mengapa UMNO terpaksa menjatuhkan hukuman awal-awal lagi ke atas seorang pemimpin kerajaan yang dituduh mencabul kehormatan seorang wanita Islam baru-baru ini.

"Tidaklah mencukupi jika kita sebenarnya bersih tetapi ternampak kotor," kata Presiden UMNO itu ketika berucap menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini pagi ini.

Walaupun Dr. Mahathir tidak menyebut nama pemimpin berkenaan, adalah jelas beliau merujuk kepada bekas Ketua Men-

teri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Beliau menegaskan, pemimpin kerajaan tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menyebabkan sangkaan buruk terhadap diri mereka.

Dr. Mahathir menjelaskan, hukuman yang dikenakan ke atas pemimpin berkenaan bukanlah kerana kesalahan yang dijadikan isu.

"Sebaliknya parti menjatuhkan hukuman dengan harapan semua pihak berhenti di situ sahaja. Malangnya ia tidak berhenti di situ. Mereka yang jatuh dipijak-pijak. Demikianlah tabiat manusia," kata beliau.

Dalam ucapannya yang penuh dengan sindiran dan nasihat itu, Dr. Mahathir berkata, sesungguhnya adalah amat malang apabila seorang yang sudah jatuh terus dipijak dan dipijak.

■ Lihat muka 2

Mahathir mahu pemimpin bersih

Dr. Mahathir kesal dengan golongan ini yang mempercayai cerita daripada sebelah pihak termasuk melalui surat layang, untuk yakin dan menjatuhkan hukum terhadap pemimpin berkenaan.

Malang sekali, kata beliau, akhbar yang biasanya mengecam surat layang, telah menerimanya sebagai punca yang boleh dipercayai.

"Daripada berita angin, akhbar menjadikan kebenaran, *legitimate*, asas untuk mencungkil, mengecam dan menghukum," katanya.

Beliau berkata, walaupun Peguam Negara telah memutuskan tidak ada kes, tarikh-tarikh yang disebutkan tidak tepat, yang mendakwa jelas membohong, tetapi sebenarnya dakwaan yang dibuat dikatakan lebih tepat daripada segala bukti yang dinyatakan itu.

"Justeru itu ada pihak yang merasakan bahawa kita tolak saja segala kenyataan dan teruskan dengan pemburuan, kecaman dan hukuman.

"Sesiapa yang cuba menegur tindakan yang tidak adil ini akan dicap sebagai orang yang ingin menegak benang basah," tambahnya.

Golongan seperti ini, kata beliau, tidak memperdulikan soal keadilan kepada rakan yang sudah jatuh serta keluarganya atau anak pinaknya tetapi lebih mengutamakan kepentingan diri.

Dalam isu ini, beliau berkata, Pas turut membela-kangkan prinsip-prinsip hukum hudud yang digubal oleh mereka sendiri apabila mereka mengembar-gemburkan isu berhubung kes tersebut.

Presiden UMNO itu berkata, Pas sanggup berbuat demikian demi kepentingan politik kerana keadilan yang ada pada parti itu sebenarnya adalah keadilan.

"Jika benarlah mereka percaya kepada undang-undang mereka, tentulah mereka tidak akan mempolitikkan peristiwa tersebut," kata Dr. Mahathir.

Menurutnya, jika undang-undang yang dibuat Pas dikuatkuasakan, awal-awal lagi orang yang dituduh itu akan didapati tidak bersalah kerana tidak ada empat saksi yang tidak berdosa besar melihat pembunuhan itu berlaku dengan jelas.

"Tetapi, oleh kerana kepentingan politik, undang-undang Pas sendiri tidak dihormati oleh Pas kerana yang pentingnya bagi mereka ialah politik dan bukannya keadilan dalam Islam.

Memperdayakan

"Ini dengan jelas menunjukkan Pas menggubal undang-undang kerana ingin memperdayakan pengikut-pengikut mereka bahawa parti itu berpegang kepada ajaran Islam.

"Sampai bilakah pengikut dan penyokong Pas akan terus tidak sedar? Sampai bilakah mereka akan membenarkan diri mereka ditipu oleh Pas dan dipermainkan oleh bekas penjajah? Sampai bilakah Islam akan diperalatkan oleh Pas? Waallahualam," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, parti itu sanggup memberi alasan yang mulia apabila melakukan perkara yang salah.